



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

...

Berita  
Online

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 3 Mac 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## KPDN laksana Ops Pantau 2025 sempena Ramadan dan Aidilfitri

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan Ops Pantau 2025 mulai Ahad sehingga Hari Raya Aidilfitri bagi memastikan pematuhan peniaga berdasarkan undang-undang yang diakatkuasakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, operasi itu dilaksanakan secara seragam dan berfokus di seluruh negara dengan lokasi tumpuan di bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya dan kedai runcit.

"Pemeriksaan di bawah Ops Pantau 2025 memfokuskan pemantauan ke atas beberapa perkara antaranya berkaitan bekalan dan harga barang, jualan murah, penggunaan alat timbangan, penjualan barang tiruan atau cetak

rompak, perbahasaan halal dan penjualan barang keperluan Hari Raya Aidilfitri," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Tambahnya, KPDN akan mempertingkatkan keberadaan anggota penguat kuasa di lokasi yang menjadi tumpuan pengguna.

Kementerian berkenaan juga akan mengoptimumkan pengoperasian Pusat Arahan Penguat Kuasa yang beroperasi setiap hari mulai 8 pagi sehingga 8 malam bagi memastikan tindakan susulan segera diambil terhadap sebarang aduan, maklumat dan pertanyaan pengguna.

KPDN mengingatkan semua peniaga agar terus mematuhi segala perundangan berkaitan dan memberikan komitmen terhadap gerakan Berniaga Patuh Kod Etika dan Perundangan (Biz-BERKAT).- Bernama

HARI: ISNIN  
TARIKH: 3/3/2025  
M/SURAT: 2

## KPDN laksana Ops Pantau sempena Ramadan, Aidilfitri

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan Ops Pantau 2025 mulai Ahad sehingga Hari Raya Aidilfitri bagi memastikan pematuhan peniaga berdasarkan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali (**gambar**) berkata operasi itu dilaksanakan secara seragam dan berfokus di seluruh negara dengan lokasi tumpuan di bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya dan kedai runcit.

"Pemeriksaan di bawah Ops Pantau



2025 memfokuskan pemantauan ke atas beberapa perkara antaranya berkaitan bekalan dan harga barang, jualan murah, penggunaan alat timbangan, penjualan barang tiruan atau cetak rompak, perbaikan halal dan penjualan barang keperluan Hari Raya Aidilfitri," katanya dalam kenyataan Ahad.

Armizan berkata KPDN akan mempertingkatkan keberadaan anggota penguatan kuasa di lokasi yang menjadi tumpuan pengguna termasuklah melalui penggunaan van Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi Pengguna (Star), kereta peronda dan Unit Ronda Bermotosikal.

Selain itu, kementerian berkenaan juga akan mengoptimumkan pengoperasian Pusat Arahan Penguatan Kuasa yang beroperasi setiap hari mulai 8 pagi sehingga 8 malam bagi memastikan tindakan susulan segera diambil terhadap sebarang aduan,

maklumat dan pertanyaan pengguna.

KPDN mengingatkan semua peniaga agar terus mematuhi segala perundangan berkaitan dan memberikan komitmen terhadap gerakan Berniaga Patuh Kod Etika dan Perundangan (Biz-Berkat).

Terdahulu, beliau turut melakukan tinjauan di Pasar Raya Giant Seri Kembangan dan pelaksanaan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) di Pangsapuri Permai, Kuala Lumpur dan Pasar Raya Lotus's Kajang, bertujuan memantau isu semasa berkaitan bekalan beberapa barang di pasaran, selain melihat operasi PJRM di akar umbi.

"Saya telah mengarahkan Bahagian Penguatan Kuasa KPDN supaya pemantauan lebih kerap dan bersasar dibuat di premis runcit seluruh negara dalam bulan Ramadan dan menjelangnya bulan Syawal," kata Armizan. – Bernama

## Ops to ensure fair business for Ramadan

**PUTRAJAYA:** Ops Pantau 2025 was implemented from yesterday to ensure traders' compliance throughout the month of Ramadan and leading up to Hari Raya Aidilfitri in accordance with the laws enforced by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN).

Minister Datuk Armizan Mohd Ali (pic) said Ops Pantau is being carried out in a coordinated and targeted manner nationwide, with key focus locations including Ramadan and Aidilfitri bazaars, public markets, wet markets, supermarkets and grocery stores.

"Inspections under Ops Pantau

focus on monitoring several aspects, including the supply and pricing of goods, discount sales, the use of weighing instruments, the sale of counterfeit or pirated products, halal labelling and the sale of essential items for Hari Raya Aidilfitri," he said in a statement yesterday.

Armizan said KPDN would enhance the presence of enforcement officers at locations frequently visited by consumers, including through the use of STAR Vans (Consumer Complaints and Resolution Squad), Patrol



Cars and Motorcycle Patrol Units, Bernama reported.

The ministry would also optimise the operation of its Enforcement Command Centre, which will be active daily from 8am to 8pm, to ensure swift follow-up action on any complaints, information or enquiries from consumers.

The ministry reminded all traders to adhere to relevant regulations and to uphold the commitment to ethical business practices through the Biz-Berkat initiative (Business Compliance with Ethical and Legal Codes).

Earlier, Armizan joined checks at Giant Supermarket in Seri Kembangan and the implementation of the Rahmah Madani Sales Programme (PJRM) at Pangsapuri Permai in Kuala Lumpur, and Lotus's Supermarket in Kajang.

The visits aimed to monitor current supply issues in the market while also observing PJRM operations at the grassroots level.

"I have instructed the KPDN Enforcement Division to conduct more frequent and targeted monitoring at retail premises across the country during Ramadan and leading up to Syawal," said Armizan.

## KPDN launches Ops Pantau 2025

**PUTRAJAYA:** Ops Pantau 2025 is being implemented starting yesterday to ensure traders' compliance throughout the month of Ramadan and leading up to Hari Raya Aidilfitri, in accordance with the laws enforced by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

Its Minister Datuk Armizan Mohd Ali said Ops Pantau was being carried out in a coordinated and targeted manner nationwide, with key focus locations including Ramadan and Aidilfitri bazaars, public markets, wet markets, supermarkets and grocery stores.

"Inspections under Ops Pantau focus on monitoring several aspects, including the supply and pricing of goods, discount sales, the use of weighing instruments, the sale of counterfeit or pirated products, halal labelling and the sale of essential items for Hari Raya Aidilfitri," he said in a statement yesterday.

Armizan said KPDN would enhance the presence of enforcement officers at

locations frequently visited by consumers, including through the use of STAR Vans (Consumer Complaints and Resolution Squad), Patrol Cars and Motorcycle Patrol Units.

KPDN will also optimise the operation of its Enforcement Command Centre, which will be active daily from 8 am to 8 pm, to ensure swift follow-up actions on any complaints, information or inquiries from consumers.

KPDN reminded all traders to adhere to relevant regulations and to uphold the commitment to ethical business practices through the Biz-BERKAT initiative (Business Compliance with Ethical and Legal Codes).

Earlier, Armizan joined inspections at Giant Supermarket in Seri Kembangan and the implementation of the RAHMAH MADANI Sales Programme (PJRM) at Pangsapuri Permai in Kuala Lumpur, and Lotus' Supermarket in Kajang.

The visits aimed to monitor current supply issues in the market while also observing PJRM operations at the grassroots level. – BERNAMA

## Jualan Rahmah programme helps ease cost of living

**MIRI:** The 'Jualan Rahmah' initiative is helping to ease the financial burden of the people, according to Deputy Minister of Tourism, Creative Industry and Performing Arts Datuk Sebastian Ting.

Speaking at the launch of the programme at a supermarket in Bakam on Sunday, Ting expressed

his appreciation for the initiative, which offers essential goods at reduced prices to alleviate rising living costs.

"This is wonderful. I must thank those involved in making this happen," he said.

He said last year, a total of 130 'Jualan Rahmah' events were

held across the Miri division and hopes to see even more organised this year. "We are starting in my constituency this year. If possible, we aim for each constituency to have two events, with additional ones allocated at the parliamentary level," he added.

The Domestic Trade and Cost of

Living (KPDN) Ministry's Sarawak director, Matthew Barin, said last year's 'Jualan Rahmah' events here were well-received, attracting large crowds from surrounding areas.

The programme prioritises the sale of basic necessities, including chicken, seafood, eggs, bottled cooking oil, wheat flour, rice, fresh

vegetables and fruits, household cleaning supplies, personal care items, disposable nappies, school essentials, medicines, and other daily necessities.

Additionally, each sale must include 1kg packets of cooking oil and sugar, sold at set prices without government subsidies.

## KPDN launches Ops Pantau 2025 for Ramadan, Aidilfitri

**PUTRAJAYA:** Ops Pantau 2025 is being implemented starting yesterday to ensure traders' compliance throughout the month of Ramadan and leading up to Hari Raya Aidilfitri, in accordance with the laws enforced by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said Ops Pantau is being carried out in a coordinated and targeted manner nationwide, with key focus locations including Ramadan and Aidilfitri bazaars, public markets, wet markets, supermarkets and grocery stores.

"Inspections under Ops Pantau focus on monitoring several aspects, including the supply and pricing of goods, discount sales, the use of weighing instruments, the sale of counterfeit or pirated products, halal labelling and the sale of essential items for Hari Raya Aidilfitri," he said in a statement.

Armizan said KPDN will enhance the presence of enforcement officers at locations frequently visited by consumers, including through the use of STAR Vans (Consumer Complaints and Resolution Squad), patrol cars and motorcycle patrol units. — Bernama

JOHOR

By MOHD FARHAAN SHAH  
 farhaan@thestar.com.my

JOHOR Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) is holding a Salam Ramadan Jualan Rahmah programme to help lower-income families during the fasting month.

State investment, trade, consumer affairs and human resources committee chairman Lee Ting Han said the programme's aim aligned with the Rahmah Madani agenda.

"The public, especially those in the B40 group, should grab this chance to buy basic goods at discounted prices which will be between 10% and 30% lower."

"The programme will be carried out from 9am to 6pm at eight selected Johor locations until March 7," he said after his walkabout at the programme's first location, Pasar Khamis Kampung Sungai Tiram in Ulu Tiram.

The other locations are the old market site of Taman Anggerik (Bandar Tenggara), Felda Ulu Belitong community sports complex (Kluang), Dataran Cenderawasih (Larkin Jaya), Kemelah multipurpose hall in Taman Pelangi (Segamat), Benut multipurpose hall (Pontian), MS Downtown (Parit Sulong) and Mari Mari Mersing front parking area.

"It is the government's hope that this programme will ease people's financial burden during Ramadan," said Lee, who is also Paloh assemblyman.

He added that the ministry had also organised Ramadan Rahmah Bazaars (RRBs).

"The RRBs encourage food traders to provide Rahmah meals, which are priced at RM5 and below," he explained.

Eight well-known Ramadan

# Reducing living costs this Ramadan

Programme offers low-priced goods, RM5 Rahmah meals at various locations in Johor



Lee (right) with state KPDN director Lilis Saslinda Pornomo (left) inspecting produce during a walkabout at Pasar Khamis Kampung Sungai Tiram. — THOMAS YONG/The Star

bazaars will host the RRBs.

They are located in Taman Dahlia (Johor Baru), Dewan Jubli Intan (Muar), Taman Intan (Kluang), Bandar Utama (Segamat), Pesta (Batu Pahat), Taman Sri Saujana (Kota Tinggi), Taman Wawasan (Mersing), and Pekan Nanas (Pontian).

"We estimate that about 963 traders will operate at these

bazaars that are being held until March 31," said Lee.

He added that selected RRB locations would offer Touch 'n Go e-wallet vouchers worth RM20 and RM100 for consumers and traders, respectively.

He said these vouchers were meant to attract visitors to the bazaars as well as expand the Retail Digital Initiative (ReDI) pro-

gramme which encourages cashless payments.

"Johor KPDN is also holding the Rahmah Madani sales in conjunction with salary week at 55 selected supermarket premises within 26 parliamentary and 56 state constituencies.

"The public can buy basic goods at low prices at these selected hypermarkets," Lee added.

Proses pengedaran beras tersebut dilakukan secara berperingkat bermula Ahad

Oleh NORHASPIDA YATIM  
KUALA TERENGGANU

**B**eras putih tempatan (BPT) bersubsidi (10 kilogram) mula diedarkan di Terengganu pada Ahad dan proses tersebut dijalankan secara berperingkat.

Pengarah Negeri Kawal Selia Padi dan Beras Terengganu, Ahmad Suffian Zulkipeli berkata, setakat ini hanya QMart menjadi peruncit pertama yang menerima bekalan tersebut.

"QMart telah membuat pesanan belian (PO) dan proses penghantaran beras itu telah bermula pada hari ini (Ahad) manakala peruncit lain seperti pasar raya Giant dan Mydin masih dalam proses permohonan."

"Pemborong dari luar seperti Selangor, Kuala Lumpur dan Johor mengambil masa sedikit untuk penghantaran kerana ada yang masih bercuti. Namun, kami yakin lebih banyak pesanan

akan diterima dalam masa terdekat," katanya ketika dihubung dengan Ahad.

Tambahnya, pemantauan rapi dilakukan bagi memastikan bekalan 24 juta pek beras subsidi sampai ke seluruh Semenanjung Malaysia, termasuk di Terengganu.

"Hari ini penghantaran beras subsidi dari Jasmino sudah tiba di Terengganu, manakala pada Selasa dijangka penghantaran daripada Cap Rambutan dan Cap Saga pula. Bekalan beras ini akan diedarkan ke pasar raya dan kedai runcit secara berperingkat," katanya.

Menurut Ahmad Suffian, pihaknya juga memastikan setiap penghantaran mematuhi pesanan dan beras dijual pada

harga kawalan RM26 sebungkus.

"Peniaga perlu pastikan harga beras subsidi ini dipamerkan dengan jelas. Kami akan sentiasa memantau perkara ini dan tindakan tegas akan diambil jika terdapat pelanggaran di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522)," ujarnya.

Beliau menyarakkan supaya setiap pembeli hanya membeli maksimum dua kampit beras bagi memastikan bekalan mencukupi selain melaporkan sebarang ketidakpatuhan berkaitan harga dan bekalan beras subsidi kepada pihak berkusa.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* mendapati sebaiknya 50 kampit beras bagi penghantaran pertama tiba di QMart cawangan Merbau Patah, di sini sekitar



AHMAD SUFFIAN



Raziah merupakan antara pelanggan terawal mendapatkan beras putih tempatan di cawangan QMart Merbau Patah, di Kuala Terengganu pada Ahad.

jam 11 pagi.

Menurut seorang pembeli, Raziah Md Noor, 55, dia bersyukur kerana dapat membeli beras tersebut untuk diinfakkan

kepada sebuah pusat tahfiz.

"Dengan adanya beras pada harga rendah ini amat berbaloi sangat sebab harga barang meningkat," katanya.

## Ting: Hold more Madani Rahmah Sales to help ease cost of living burden

**MIRI:** The Madani Rahmah Sales programme has proven effective in assisting families cope with the rising cost of living, said Datuk Sebastian Ting.

In this regard, the state Deputy Minister of Tourism, Creative Industry and Performing Arts hoped to see the programme be held more often to benefit Mirians in buying daily necessities at discounted prices.

"This is part of the government's efforts to help our people tackle inflation. The Madani Rahmah Sales programme is a way to reduce the burden of the people," he said.

Ting, who is Piasau assemblyman, was met when officiating at the Madani Sales programme at SL Speedmart in Ocean Park here yesterday.

The two-day event, organised by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), which ran from 8.30am to 9pm, kicked off on Saturday.

Noting that 130 Madani



Ting (second right) officiates at the event, as Mathew (second right) and others look on. — Photo by Katrinna Moon

Rahmah Sales programmes were held in Miri Division throughout 2024. Ting called upon the federal government to expand the

initiative this year to support more communities.

He also emphasised the need for continuous efforts to ease the

people's financial burden. With Ting at the event was KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin.

# Sebanyak 130 PJRM diadakan di Miri sepanjang 2024

**MIRI:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Miri melaksanakan sebanyak 130 Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) di Miri sepanjang tahun lalu.

Dari jumlah itu 97 adalah PJRM, satu adalah PJR Premium dan PJRM Bergerak 32 kali.

Semalam, KPDN telah mengadakan PJRM untuk kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Piasau di SL Speedmart Sdn Bhd, Ocean Park bermula jam 8.30 pagi hingga 9 malam.

Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak yang juga ADUN Piasau Datuk Sebastian Ting Chiew Yew hadir meninjau sendiri keadaan program serta mengambil kesempatan untuk beramah mesra dengan para pengunjung.

Pengarah KPDN Sarawak Matthew Dominic Barin berkata, program merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam usaha membantu rakyat Malaysia untuk mengurangkan beban kos sara hidup pada ketika ini dengan mengadakan pengurangan harga barang keperluan asas antara 10 peratus dan 30 peratus dengan kerjasama



**TELITI:** Ting dan Matthew ketika tinjauan barang keperluan asas yang dijual semasa PJRM di SL Speedmart pagi semalam.

rakan strategik.

Pada awal tahun ini iaitu sehingga bulan Februari 2025, KPDN Miri telah melaksanakan sebanyak 26 PJRM iaitu 15 PJRM, 4 PJRMB, 3 PJRM Tahun Baharu Cina dan 4 PJRM Back To School.

“Jualan Rahmah MADANI dilokasi-lokasi tersebut mendapat sambutan yang sangat mengalakkannya dengan kehadiran ramai pengunjung yang tinggal disekitar kawasan berkenaan,” jelas beliau.

Sementara itu, senarai barang keperluan asas yang menjadi keutamaan di dalam Jualan Rahmah

adalah ayam, ikan dan hasil laut, telur ayam, minyak masak botol, tepung gandum, beras, sayur-sayuran/buah-buahan, barang penjagaan diri, barang pembersihan rumah, lampu pakai buang, barang keperluan sekolah, ubat-ubatan, dan lain-lain barang keperluan harian (makanan dan bukan makanan) yang bersesuaian.

Wajib dijual ialah minyak masak paket 1kg dan gula pasir 1kg tanpa melibatkan subsidi Rahmah.

Hadir sama Ketua Cawangan KPDN Miri Thomas Chua.



HARI:

ISNIN

TARIKH:

3/3/2025

M/SURAT:

1



▲内贸部长拿督阿米占在雪兰莪州一家超市，查看商品供应。

## 内贸部即日起展开监督行动 督促商贩斋戒月开斋节守规

(布城 2 日讯) 国内贸易及生活成本部即日起展开 2025 年监督行动 (Ops Pantau) 直至开斋节，以确保商家遵守法律规定。

内贸部长拿督阿米占说，这次行动在全国统一推行，聚焦斋戒月市集、开斋节市集、公共巴刹、湿巴刹、霸市和杂货店。

他今日发文告说：“2025 年监督行动的检查重点是监控几个问题，包括与商品供应和价格、便宜促销、使用称重设备、售卖赝品或盗版商品、清真认证字眼和开斋节必需品销售有关的事项。”

阿米占说，内贸部将在消费者集中的地区增添执法人员，包括出动 STAR (消费者投诉与解决行动队) 客货车、巡逻车和摩托车巡逻队。

此外，内贸部还将优化执法指挥中心的运作，从每天早上 8 时至晚上 8 时，以确保对任何投诉、资讯和消费者查询立即采取跟进行动。

内贸部提醒所有商贩恪守所有相关法律规定，并致力于遵守商业道德和法律准则 (Biz-BERKAT) 运动。

较早前，阿米占到斯里肯邦安巨人家园市 (Giant) 巡视，以及吉隆坡柏迈组屋 (Pangsapuri Permai) 和加影的 Lotus's 莎市，视察昌明慈悯促销活动 (PJRM) 的推行情况，旨在视察目前市场多项商品供应问题，并实地观察 PJRM 在基层的运作情况。

“我已指示内贸部执法组在斋戒月和即临的开斋节期间对全国的零售场所进行更频繁和目标式的监控。”

# 活動持續12小時 美里辦慈憫促銷

(本报美里2日讯)砂拉越旅游部副部长拿督陈超耀今日为国内贸易部在美里海洋公园SL超市举办的“昌明大马慈悯促销活动”主持推展礼，并呼吁民众把握机会，以优惠价格购买日常必需品。

他指出，此次促销活动於昨日及今日从早上8时30分持续至晚上9时，长达超过12个小时。

陈超耀表示，这项活动旨在减轻民众生活成本，为他们提供实际的经济帮助。他今日前来参与活动，是为了履行帮助民众的责任，希望通过活动让更多家庭受惠。

### 推出22種日常品

他也指出，本次促销活动共推出22种日常必需品，折扣

幅度介於10%至30%。这些商品包括食用油、大米、沙拉、沙丁鱼、鱼类、大蒜等基本食品。

他表示，这些都是家庭生活中不可或缺的用品，希望通过价格优惠，减轻人民的经济负担。

陈超耀透露，去年该活动总共进行130次，因此希望今年有更多“昌明大马慈悯促销活动”，进一步造福社区。他也鼓励民众踊跃前来，把握机会，以实惠价格购买所需物品。



砂旅游部副部长拿督陈超耀（左2）为“昌明大马慈悯促销活动”主持推展礼时影。右2为贸消部砂拉越总监马太多米尼。



陈超耀巡视促销活动的商品。

HARI: ISNIN

TARIKH: 3/3/2025

M/SURAT: 7

### 內貿部展開監督行動 確保商販齋戒月守規

(布城2日讯) 国内贸易及生活成本部即日起展开2025年监督行动(Ops Pantau)直至开斋节，以确保商家遵守法律规定。

内贸部长拿督阿米占说，这次行动在全国统一推行，聚焦斋戒月市集、开斋节市集。

公共巴刹、湿巴刹、霸市和杂货店。

他今日发文告说，2025年监督行动的检查重点是监控几个问题，包括与商品供应和价格、便宜促销、使用称重设备、售卖赝品或盗版商品、清真认证字眼和开斋节必需品销售有关的事项。

阿米占说，内贸部将在消费者集中的地区增添执法人员，包括出动 STAR（消费者投诉与解决行动队）客货车、巡逻车和摩托车巡逻队。

此外，内贸部还将优化执法指挥中心的运作，从每天早上8时至晚上8时，以确保对任何投诉、资讯和消费者查询立即采取跟进行动。

内贸部提醒所有商贩恪守所有相关法律规定，并致力于遵守商业道德和法律准则(Biz-BERKAT)运动。

较早前，阿米占到斯里肯邦安巨人霸市巡视，以及吉隆坡柏迈组屋和加影的Lotus's霸市，视察昌明慈榈促销活动的推行情况，旨在视察目前市场多项商品供应问题，并实地观察PJRM在基层的运作情况。

「我已指示内贸部执法组在斋戒月和即临的开斋节期间对全国的零售场所进行更频繁和目标式的监控。」

# 內貿部展開監督行動 確保商販齋戒月守規

(布城2日讯) 国内贸易及生活成本部即日起展开2025年监督行动（Ops Pantau）直至开斋节，以确保商家遵守法律规定。

内贸部长拿督阿米占说，这次行动在全国统一推行，聚焦斋戒月市集、开斋节市集、公共巴刹、湿巴刹、霸市和杂货店。

他今日发文告说，2025年监督行动的检查重点是监控几个问题，包括与商品供应和价格、便宜促销、使用称重设备、售卖赝品或盗版商品、清真认证字眼和开斋节必需品销售有关的事项。

阿米占说，内贸部将在消费者集中的地区增添执法人员，包括出动 STAR（消费者投诉与解决行动队）客货车、

巡逻车和摩托车巡逻队。

此外，内贸部还将优化执法指挥中心的运作，从每天早上8时至晚上8时，以确保对任何投诉、资讯和消费者查询立即采取跟进行动。

内贸部提醒所有商贩恪守所有相关法律规定，并致力于遵守商业道德和法律准则（Biz-BERKAT）运动。

较早前，阿米占到斯里肯邦安巨人霸市巡视，以及吉隆坡柏迈组屋和加影的Lotus's 霸市，视察昌明慈悯促销活动的推行情况，旨在视察目前市场多项商品供应问题，并实地观察PJRM在基层的运作情况。

「我已指示内贸部执法组在斋戒月和即临的开斋节期间对全国的零售场所进行更频繁和目标式的监控。」



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

# Kita perlu bentuk masyarakat yang celik kewangan dan berdaya tahan



NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALI

**D**ALAM dunia yang semakin pantas berubah, pengguna kini berhadapan dengan pelbagai cabaran yang memberi kesan kepada kesejahteraan ekonomi dan sosial mereka.

MACFEA Inter-Regional Intellectual Discourse 2025 yang berlangsung pada 24 dan 25 Februari 2025, telah menghimpunkan pakar dan organisasi dari seluruh Asia bagi membincangkan strategi terbaik dalam melindungi hak pengguna serta membentuk masyarakat yang lebih celik kewangan dan berdaya tahan.

Persidangan ini menampilkan penyertaan dari Malaysia, Indonesia, Hong Kong, Taiwan, dan India, di mana para pakar berkongsi trend terkini, cabaran utama, serta langkah proaktif dalam meningkatkan kesejahteraan pengguna serantau.

## PERANAN KPDN DALAM MEMPERKASA PENGGUNA DI MALAYSIA

Di Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) memainkan peranan utama dalam memastikan kesejahteraan pengguna melalui pelbagai inisiatif dan dasar perlindungan pengguna. Beberapa langkah utama yang telah diambil termasuk:

## PERLINDUNGAN HARGA DAN KAWALAN KOS SARAWAK HIDUP

Program Rahmah dan subsidi bersasar diperkenalkan untuk membantu golongan B40 menangani keperluan harga barang keperluan.

KPDN terus memantau harga barang keperluan asas dan mengenakan tindakan ke atas peniaga yang menaikkan harga secara tidak munasabah.

## PENGUATKUSAAN UNDANG-UNDANG PENGGUNA

KPDN menguatkuasakan Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011, serta peraturan lain yang melindungi hak pengguna. Tindakan tegas diambil



KESEJAHTERAAN pengguna bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi juga memerlukan kerjasama semua pihak termasuk NGO, sektor swasta, dan masyarakat secara keseluruhan.

terhadap peniaga yang menipu pengguna melalui iklan palsu, barang tiruan, dan penipuan e-dagang.

**KEMENP LITERASI KEWANGAN DAN KESEDARAN PENGGUNA**  
KPDN bekerjasama dengan MACFEA dan institusi akademik dalam melaksanakan program literasi kewangan dan digital bagi mendidik masyarakat mengenai pengurusan kewangan, pelaburan selamat, dan pengelak daripada penipuan kewangan.

Kempen Kesedaran Digital dan Anti-Scam diperluaskan bagi mendidik pengguna tentang taktik scam yang semakin canggih di platform digital.

## PUSAT PENGURUSAN ADUAN PENGGUNA

Pengguna boleh membuat aduan melalui Pusat Panggilan KPDN (Pusat Respons Pengguna Nasional, 1-800-886-800) serta platform dalam talian untuk mendapatkan penyelesaian segera terhadap sebarang isu pengguna.

KPDN juga menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam pemantauan harga dan

analisis aduan pengguna bagi meningkatkan keberkesanannya.

## ISU KESEJAHTERAAN PENGGUNA DI ASIA

Malaysia terus berdepan dengan cabaran kos sara hidup yang meningkat, jurang pendapatan yang ketara, dan tahap literasi kewangan yang masih rendah. Kajian menunjukkan bahawa 85 peratus rakyat Malaysia bimbang tentang kewangan mereka akibat inflasi dan kenaikan harga barang keperluan.

Sebagai penyelesaian, KPDN dan MACFEA terus memperkuatkan program pendidikan kewangan, memperluaskan inisiatif kawalan harga barang asas, serta menggalakkan pengguna untuk mengamalkan perbelanjaan bijak dan perancangan kewangan yang lebih berstruktur.

## INDONESIA: LITERASI DIGITAL DAN ANCAMA PENIPUAN E-DAGANG

Indonesia menunjukkan pertumbuhan pesat dalam sektor e-dagang dan digitalisasi, namun ramai pengguna luar bandar masih kurang celik digital,

menunjukkan bahawa kesihatan mental dan kesejahteraan digital kini menjadi isu utama dalam kalangan pengguna.

Hong Kong sedang memperkuatkan perkhidmatan kesihatan mental untuk warga emas serta memperbaikkan kempen kesedaran keselamatan digital bagi menangani ancaman AI dan penipuan dalam talian.

## TAIWAN: PENYELESAIAN SENGKETA RENTAS SEMPADAN

Di Taiwan, peningkatan transaksi rentas sempadan melalui e-dagang antarabangsa telah mencetuskan banyak isu berkaitan pemulangan wang, pertukaran barang, serta perkhidmatan pelanggan yang lemah.

Sebagai langkah penyelesaian, Taiwan sedang merangka pusat penyelesaian sengketa rentas sempadan, selain memperketatkan peraturan terhadap platform e-dagang antarabangsa.

## MEMBINA MASA DEPAN PENGGUNA YANG LEBIH BERDAYA TAHAN

Kesejahteraan pengguna bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi juga memerlukan kerjasama semua pihak termasuk NGO, sektor swasta, dan masyarakat secara keseluruhan.

Dalam konteks Malaysia, peranan KPDN dalam menguatkuasakan undang-undang pengguna serta MACFEA dalam mendidik masyarakat menjadi faktor utama dalam memastikan pengguna lebih berdaya tahan.

Sebagai Exco MACFEA, saya percaya bahawa dengan literasi kewangan yang lebih baik, dasar perlindungan yang kukuh, serta penguatkuasaan yang lebih berkesan, kita dapat membentuk masyarakat pengguna yang lebih berdaya saing dan bijak membuat keputusan kewangan.

PROFESOR Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali ialah Exco Persatuan Pengguna dan Ekonomi Keluarga Malaysia (MACFEA), Bendahari Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) dan Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

menyebabkan mereka lebih mudah menjadi sasaran penipuan dalam talian dan skim pelaburan palsu.

Sebagai langkah penyelesaian, Indonesia telah memperkenalkan program literasi digital berskala besar serta memperketat undang-undang berkaitan perlindungan pengguna e-dagang.

## INDIA: KETIDAKSAMAN EKONOMI DAN AKSES TERHAD KEPADA PERKHIDMATAN KEWANGAN

Di India, jurang pendapatan yang besar, inflasi tinggi, serta akses yang terhad kepada perbankan dan perkhidmatan kewangan terus membekungkung kesejahteraan pengguna.

Bagi menangani cabaran ini, kerajaan India telah memperkenalkan inisiatif Digital India serta meluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan di luar bandar melalui program kewangan inklusif.

## HONG KONG: CABARAN KESIHATAN MENTAL DAN KESELAMATAN DIGITAL

Kajian oleh Majlis Pengguna Hong Kong



DBKL bersama agensi penguat kuasa lain dalam Operasi Gasak di sekitar Bazaria Wangsa Maju. (Foto ihsan DBKL)

## DBKL gempur gerai warga asing

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandara Kuala Lumpur (DBKL) menge luarkan kompaun terhadap enam gerai dan menyita barang milik penjaja warga asing yang berniaga secara haram sekitar Bazaria Wangsa Maju, dekat sini.

DBKL dalam hantaran melalui Facebook, malam kelmarin, ber kata melalui Operasi Gasak yang dijalankan pihaknya bersama beberapa agensi penguat kuasa lain, pasukan turut menutup lima gerai serta-merta dan menunda dua kenderaan saji yang dikendalikan warga asing.

Beliau berkata, Operasi Gasak bertujuan membanteras aktiviti perniagaan dan berjaya tanpa lesen serta tidak memenuhi syarat lesen.

Operasi bersepadu itu membabitkan pelbagai agensi, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen (Imigresen) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) WPKL serta jabatan dalaman DBKL.

"Imigresen membuat pemeriksaan terhadap individu warga asing dengan 35 ditahan. Jumlah itu membabitkan seorang lelaki warga Myanmar, 19 lelaki warga Indonesia dan 15 wanita warga Indonesia tidak memiliki dokumen sah atau menyalahgunakan permit kerja.

"KPDN pula mengeluarkan tiga kompaun terhadap gerai disyaki melanggar peraturan

perdagangan dan membabitkan isu hak cipta serta barang ti ruan bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Penjaja yang melanggar syarat lesen dikenakan tindakan penguatkuasaan menerusi peruntukan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016, UUK Petempatan Makanan (WPKL) 2016 serta UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016," menurut DBKL.

DBKL memaklumkan, Operasi Gasak diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan ibu kota kekal sebagai sebuah bandar raya yang bersih, teratur, selamat dan kondusif untuk masyarakat.

## Op Gasak banteras penjaja tanpa lesen

**PETALING JAYA:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggempur Bazaria Wangsa Maju dekat sini dalam Op Gasak Siri 1/2025 bagi membanteres aktiviti perniagaan dan penjajaan tanpa lesen serta tidak memenuhi syarat.

DBKL memaklumkan, enam gerai dan penjaja tanpa lesen telah dikenakan tindakan kompaun manakala 12 tindakan sitaan diambil terhadap penjaja warga asing.

"Selain itu, lima gerai ditu-

tup serta-merta serta dua kes penundaan trak makanan yang dikendalikan oleh warga asing.

"Dalam operasi sama, Jabatan Imigresen turut menjalankan periksaan terhadap warga asing dengan 35 orang ditahan kerana didapati melakukan kesalahan tidak memiliki dokumen sah atau menyalahgunakan permit kerja," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) mengeluarkan tiga kompaun terhadap gerai

yang disyaki melanggar peraturan perdagangan serta berkaitan isu hak cipta dan barangan tiruan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Penjaja yang melanggar syarat lesen dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016; UUK Petempatan Makanan (WPKL) 2016 dan UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016," katanya.



**ANGGOTA** penguatan kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menjalankan Op Gasak Siri 1/2025 di Bazaria Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

## Penyasaran subsidi petrol RON95 tak perlu kad baharu

**PETALING JAYA:** Penyasaran subsidi petrol RON95 tidak memerlukan penggunaan kad baharu kerana ia hanya akan menyukarkan rakyat untuk menyimpan dan menggunakan.

Penganalisis Ekonomi dan Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof. Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, penggunaan kad tambahan memerlukan pembangunan infrastruktur serta sistem pemprosesan yang mungkin membebankan.

Sebaliknya, beliau mencadangkan mekanisme terbaik bagi penyasaran subsidi bahan api itu adalah melalui e-wallet atau menerusi penggunaan MyKad.

"Majoriti penduduk dewasa sudah mempunyai e-wallet. Bagi mereka yang tidak mempunyai kemudahan itu, MyKad boleh digunakan sebagai alternatif.

"MyKad juga mempunyai kelebihan tambahan kerana ia menyokong fungsi penyimpanan wang menerusi aplikasi Touch 'n Go," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Kerajaan dijangka melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan tahun ini dengan mekanisme terbaik sedang dikenal pasti agar manfaatnya sampai kepada kumpulan sasaran serta mencapai objektif ditetapkan.

Bagi mengelakkan penyalahgunaan MyKad, Ahmed Razman menegaskan maklumat perenerima perlu dimasukkan dalam Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

"Ia membolehkan kerajaan mengenal pasti sama ada seseorang individu memiliki kenderaan atau sebaliknya selain sistem berkenaan boleh mengesan jenis kenderaan, serta anggaran purata perbelanjaan minyak setiap bulan," katanya.

PERBADANAN PUTRAJAYA KURANGKAN JUMLAH PARKIR TERBUKA

# TLK berbayar membebankan!

Oleh Samadi Ahmad  
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Tindakan Perbadanan Putrajaya (PPj) mengurangkan jumlah tempat letak kenderaan terbuka dan melaksanakan tempat letak kenderaan (TLK) berbayar disifatkan sebagai membebankan pengguna.

Kebanyakan pekerja dan pengunjung ke pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan di sini tidak bersetuju dengan pelaksanaan sistem berkenaan.

Pekerja swasta, Zulkarnain Mamat, 55, dari Dengkil berkata, pengenalan sistem TLK berbayar dilihat 'kurang mesra' sehingga membebankan terutama di saat rakyat sedang berdepan masalah ekonomi.

"Kebanyakan pengunjung yang datang ke sini untuk berurus dengan pejabat kerajaan, sepatutnya tempat letak kereta se dia ada dinaik taraf untuk keselesaan dan bukannya mengenakan bayaran sele-



TEMPAT letak kenderaan berbayar di Presint 3.

pas dinaik taraf," katanya.

Tinjauan mendapati beberapa kawasan antaranya di Presint 4 berhampiran Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Istana Ke-hakiman yang dulunya dijadikan sebagai parkir ter-

buka kini dikenakan bayaran.

Sementara itu, kawasan berhampiran Kompleks PPj kini juga sedang dalam proses pembinaan parkir bertingkat.

Pada masa sama PPj ma-

sih mengekalkan parkir percuma antaranya berhampiran bangunan Perskeso, berdepan tapak Pasar Tani Presint 2, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), berhampiran Ke-

menterian Komunikasi, Wisma Tani dan Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin.

Suri rumah, Ruzaimah Abu Hassan, 43, dari Serdang berkata, walaupun caj dikenakan itu tidak tinggi,

namun bagi yang tidak bekerja ia agak berat.

Dia turut mengakui terdapat TLK disediakan secara percuma di sini namun jumlahnya semakin berkurangan dan lokasinya jauh.

"Keseluruhan kawasan ini adalah pejabat kerajaan yang sering menjadi tumpuan orang ramai untuk berurusan.

"Jadi, rasanya tidak salah jika pihak berkenaan terus memberikan kemudahan itu secara percuma walaupun selepas dinaik taraf," katanya.

Sementara itu, seorang pekerja swasta Mohd Iqbal Salleh, 35, dari Kuala Lumpur mencadangkan supaya pihak berkuasa tempatan (PBT) menurap kawasan parkir yang dikenal pasti mencacatkan pemandangan.

Namun, katanya, penambahan berkenaan tidak perlu disusuli dengan bayaran kepada pengguna.

***Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam terbitan Harian Metro esok.***



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

**BERITA ONLINE BERTARIKH 3 MAC 2025**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Mar	Jual diesel subsidi syarikat kepada bengkel, dua lelaki diberkas	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/715201/edisi/perak/jual-diesel-subsidi-syarikat-kepada-bengkel-dua-lelaki-diberkas#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/715201/edisi/perak/jual-diesel-subsidi-syarikat-kepada-bengkel-dua-lelaki-diberkas#google_vignette</a>	SINAR HARIAN
3-Mar	Pemandu lori tak amanah jual diesel lori milik majikan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/02/28/pemandu-lori-tak-amanah-jual-diesel-lori-milik-majikan/">https://www.kosmo.com.my/2025/02/28/pemandu-lori-tak-amanah-jual-diesel-lori-milik-majikan/</a>	KOSMO
3-Mar	KPDN Perak bongkar aktiviti seleweng diesel bersubsidi, dua individu ditahan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-perak-bongkar-aktiviti-seleweng-diesel-bersubsidi-dua-individu-ditahan">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-perak-bongkar-aktiviti-seleweng-diesel-bersubsidi-dua-individu-ditahan</a>	RTM
3-Mar	Kartel tipuan bida: 8 syarikat dikenakan penalti kewangan lebih RM92 juta – MyCC	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kartel-tipuan-bida-8-syarikat-dikenakan-penalti-kewangan-lebih-rm92-juta-mycc/">https://www.buletintv3.my/nasional/kartel-tipuan-bida-8-syarikat-dikenakan-penalti-kewangan-lebih-rm92-juta-mycc/</a>	TV3
3-Mar	Kartel Bidaan: MyCC denda lapan syarikat RM92.87 juta	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kartel-bidaan-mycc-denda-lapan-syarikat-rm9287-juta-510502">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kartel-bidaan-mycc-denda-lapan-syarikat-rm9287-juta-510502</a>	ASTRO AWANI
3-Mar	8 perusahaan didenda RM92.8 juta terbabit kartel tipu bida pada 2019	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasion-al/2025/02/1366878/8-perusahaan-didenda-rm928-juta-terbabit-kartel-tipu-bida-pada-2019">https://www.bharian.com.my/berita/nasion-al/2025/02/1366878/8-perusahaan-didenda-rm928-juta-terbabit-kartel-tipu-bida-pada-2019</a>	BERITA HARIAN
3-Mar	Lapan syarikat kontraktor didenda RM93 juta tipu bida tender kerajaan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/715230/berita/semasa/lapan-syarikat-kontraktor-didenda-rm93-juta-tipu-bida-tender-kerajaan">https://www.sinarharian.com.my/article/715230/berita/semasa/lapan-syarikat-kontraktor-didenda-rm93-juta-tipu-bida-tender-kerajaan</a>	SINAR HARIAN

3-Mar	Sindiket penyelewengan 29,370 liter diesel di Sibu tumpas, 10 ditahan	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/28/sindiket-penyelewengan-29370-liter-diesel-di-sibu-tumpas-10-">https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/28/sindiket-penyelewengan-29370-liter-diesel-di-sibu-tumpas-10-</a>	UTUSAN BORNEO
3-Mar	Polis rampas lebih 29,000 liter diesel bersubsidi dipercayai cuba diseludup	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/polis-rampas-lebih-29000-liter-diesel-bersubsidi-dipercayai-cuba-diseludup-JB13747842">https://thesun.my/cerita/berita/polis-rampas-lebih-29000-liter-diesel-bersubsidi-dipercayai-cuba-diseludup-JB13747842</a>	THE SUN
3-Mar	Polis rampas lebih 29,000 liter diesel bersubsidi dipercayai cuba diseludup	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2397617">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2397617</a>	BERNAMA
3-Mar	Apung harga siling beras tempatan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/715168/berita/nasional/apung-harga-siling">https://www.sinarharian.com.my/article/715168/berita/nasional/apung-harga-siling</a>	SINAR HARIAN
3-Mar	MyCC not probing into alleged rice cartels, says CEO	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1181744/mycc-not-probing-alleged-">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1181744/mycc-not-probing-alleged-</a>	NEW STRAITS TIMES
3-Mar	RON95: Kerajaan masih cari mekanisme terbaik	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2025/02/penyasaran-">https://www.utusan.com.my/terkini/2025/02/penyasaran-</a>	UTUSAN MALAYSIA
3-Mar	KPDN laksana Ops Pantau sempena Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-laksana-ops-pantau-sempena-ramadan-dan-hari-raya-aidilfitri-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-laksana-ops-pantau-sempena-ramadan-dan-hari-raya-aidilfitri-</a>	ASTRO AWANI
3-Mar	KPDN laksana Ops Pantau sempena Ramadan, Aidilfitri	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1192628/kpdn-laksana-ops-pantau-sempena-ramadan-aidilfitri">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1192628/kpdn-laksana-ops-pantau-sempena-ramadan-aidilfitri</a>	HARIAN METRO
3-Mar	KPDN laksana Ops Pantau sempena Ramadan, Aidilfitri	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1367711/kpdn-laksana-ops-pantau-">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1367711/kpdn-laksana-ops-pantau-</a>	BERITA HARIAN
3-Mar	KPDN laksana Ops Pantau sempena Ramadan, Aidilfitri	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2398205">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2398205</a>	BERNAMA

3-Mar	KPDN laksana Ops Pantau sempena Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-laksana-ops-pantau-sempena-ramadan-dan-hari-raya-aidilfitri-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-laksana-ops-pantau-sempena-ramadan-dan-hari-raya-aidilfitri-</a>	ASTRO AWANI
3-Mar	KPDN laksana Ops Pantau sempena Ramadan, Aidilfitri	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1192628/kpdn-laksana-ops-pantau-">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1192628/kpdn-laksana-ops-pantau-</a>	HARIAN METRO
3-Mar	KPDN laksana Ops Pantau 2025 sempena Ramadan, Hari Raya Aidilfitri	<a href="https://malaysia-tribune.news/2025/03/02/kpdn-laksana-ops-pantau-2025-sempena-ramadan-">https://malaysia-tribune.news/2025/03/02/kpdn-laksana-ops-pantau-2025-sempena-ramadan-</a>	MALAYSIA TRIBUNE
3-Mar	Sebanyak 130 PJRM diadakan di Miri sepanjang 2024	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/02/sebanyak-130-pjrm-diadakan-di-miri-">https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/02/sebanyak-130-pjrm-diadakan-di-miri-</a>	UTUSAN BORNEO
3-Mar	PJRM terus bantu ringankan beban rakyat	<a href="https://utusansarawak.com.my/pjrm-terus-bantu-ringangkan-">https://utusansarawak.com.my/pjrm-terus-bantu-ringangkan-</a>	UTUSAN SARAWAK